



UMPAN, mata kail dan dua joran serta rod antara peralatan wajib dibawa sewaktu memancing.

MEMANCING sering dikaitkan dengan lelaki, namun kini semakin ramai wanita berjinak-jinak dengan hobi tersebut.

Kemampuan mereka pun bukan calang-calang, dengan kebanyakannya sudah berani mencangkuk umpan sendiri dan mencabut mata kail, tanpa memerlukan khidmat lelaki.

Norismatulhafikah Balqis Ishak, 25, antara hawa yang sanggup meredah paya, tasik dan lombong di samping berjemur berjam-jam di bawah panas matahari, semata-mata memburu ikan-ikan bersifat ganas seperti toman dan haruan yang menjadi dambaan pemancing.

Antara rekod cemerlang gadis lasak berasal dari Pekan, Pahang ini ialah mendaratkan tiga ekor toman sehari.

Pencapaian itu boleh dianggap membanggakan terutama bagi individu yang baharu dua tahun terlibat dalam dunia memancing.

“Memancing ini seronoknya luar biasa berbanding sukan-sukan seperti bola baling, badminton dan mendaki bukit yang pernah saya ceburinya sebelum ini.

“Bahkan, adrenalin turut mengalir deras terutama apabila perlu berlawan dan menumpaskan ikan,” katanya.

Memiliki ibu bapa yang merupakan kaki pancing, menjadikan hobi itu bukan sesuatu yang asing buat dirinya.

“Sejak kecil saya sudah terdedah dengan aktiviti ini.

“Dua tahun lalu, saya tengok kawan menangkap toman dengan teknik mengilat atau *casting*, lantas saya tertarik untuk mendalaminya dan berterusan hingga kini.

“Saya lebih suka air tawar berbanding air masin. Pada peringkat awal, saya banyak ‘berlatih’ di paya sebelum ke tasik, sungai dan lombong,” kata

pemancing tegar ini kepada *Seri*. Antara ikan paling besar yang pernah ditangkapnya ialah induk toman seberat lima kilogram di Empangan Klau di Raub, Pahang.

Ikan spesies itu kebiasaannya tidak dibawa balik dan dilepaskan kembali ke habitat asal.

Pendekatan itu bertepatan misinya untuk mengasah dan memantapkan skil di samping menguji kekuatan produk digunakan.

Antara lokasi air tawar yang sering dikunjunginya ialah di Pahang, Sepang, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu dan Kuala Lumpur.

Malah, anak ke-9 dari 10 beradik ini turut menyertai tiga pertandingan iaitu *Pahang Caster, International Monsoon Casting Tournament (IMCT) 2023* di Tasik Kenyir dan *Casting Challenge Taman Tasik Metropolitan*.

MEMANCING SETIAP MINGGU

Dek kerana minat, Norismatulhafikah Balqis tidak pernah gagal melakukan rutin memancing haruan di sekitar kawasan kediaman, pada setiap minggu.

PENANTIAN hampir 10 jam berbaloi apabila dapat menumpaskan ikan toman seberat kira-kira lima kilogram di Bentong, Pahang.

“Memancing menawarkan keseronokan luar biasa berbanding sukan-sukan seperti bola baling, badminton dan mendaki bukit yang pernah diceburinya sebelum ini.”

Seronok ‘berlawan’ dengan ikan



NORISMATULHAFIKAH Balqis Ishak menunjukkan ikan haruan seberat 1.4 kilogram yang ditangkap di Sekinchan, Selangor.

Aktiviti itu disifatkan mudah kerana tidak memerlukanna menaiki bot untuk ke lubuk-lubuk.

Namun, jika mahu memburu toman, pemancing tegar ini akan ‘keluar’ kawasan bagi mengikuti trip memancing di negeri-negeri lain.

Aktiviti itu dilakukan kira-kira empat kali dalam sebulan.

“Untuk memancing toman seseorang perlu naik bot ke lokasi lubuk dan trip paling singkat ialah selama sehari dengan kos sekitar RM350.

“Manakala yang paling lama, dua hari dengan perbelanjaan sebanyak RM800 untuk seorang pemancing,” katanya yang baru pulang dari Perak beberapa minggu lalu.

Antara peralatan wajib dibawa memancing ialah sekotak umpan dan mata kail di samping dua joran dan rod.

Sebagai aspek keselamatan, gadis ini sentiasa memastikan dirinya ditemani rakan ketika di atas bot.

“Paling penting jangan pergi seorang diri dengan pemandu bot sahaja dan rancanglah trip bersama kawan.

“Hobi memancing ini masih didominasi lelaki, jadi kaum wanita kena pandai jaga diri dan batas pergaulan,” katanya.